

**8 MAC, 2019**

**Kepada semua Pengarang Berita**

### **KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA**

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) kecewa dengan kegagalan syarikat Utusan Melayu (M) Berhad membayar gaji ahli kami mengikut ketetapan dalam Perkara 21 - Hari Gaji, Perjanjian Bersama (CA). Bukan sahaja Perkara 21 ini telah beberapa kali dilanggar malah ketetapan Seksyen 18 Akta Pekerja 1955 juga dilanggar buat kali kedua memandangkan gaji untuk bulan Februari 2019 masih belum diagihkan setakat pukul 3 petang hari ini (8 Mac 2019).

Walaupun Utusan dimaklumkan mempunyai isu aliran tunai, NUJM melihat beberapa perbelanjaan besar dibuat ketika gaji kakitangan khususnya ahli kami masih gagal dilunaskan. Ini termasuk Hadiah Sastera Kumpulan Utusan pada hujung Februari lalu yang menjemput Datuk Seri Anwar Ibrahim, mesyuarat pengurusan tertinggi Utusan di sebuah hotel terkemuka minggu ini dan proses pengubahsuaian di sebuah premis milik Utusan. NUJM mendapat makluman notis gaji dibayar lewat 'sebelum 7 Mac 2019' dikeluarkan sebaik sahaja Anwar meninggalkan majlis tersebut sementara tiada makluman lanjut dikeluarkan selepas gaji kakitangan tetap tidak dibayar pada 12.00 tengah malam 8 Mac 2019.

Selain itu, beberapa pegawai pengurusan Utusan baru-baru ini mengesahkan sebuah syarikat luar yang 'menyamar' sebagai sebuah anak syarikat sebenarnya tiada apa-apa hubungan atau perjanjian bertulis dengan Utusan. Bagaimanapun, syarikat ini mengambil kakitangan Utusan khususnya ahli NUJM dan peralatan Utusan untuk urusan perniagaannya. Ini menyebabkan Utusan menanggung semua kos sementara pendapatan dan tajaan untuk jenama atau acara Utusan disimpan syarikat tersebut sehingga didakwa menjejaskan lagi aliran tunai Utusan, pada masa sama menjejaskan gaji dan hak ahli NUJM.

NUJM turut mengambil maklum aduan tentang potongan gaji yang tidak dibayar untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), potongan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), zakat bulanan pekerja, Amanah Saham Bumiputera (ASB), potongan pinjaman Bank


Rakyat, yuran bulanan Koperasi Utusan dan juga potongan yuran bulanan NUJM sendiri. Begitu juga tuntutan semula perubatan dan perbatuan malah tuntutan tugas sepanjang pilihan raya umum lalu yang tertunggak antara tiga hingga 11 bulan, sehingga ke tahap ada ahli kami didakwa tidak mempunyai wang tunai untuk keluar bertugas.

NUJM kecewa dengan pengurusan baharu yang kelihatan tiada hala tuju dalam mengembangkan sumber pendapatan dan terlalu bertumpu kepada menjual aset yang ditinggalkan pentadbiran terdahulu sebagai penyelesaian segera dan mudah. Namun, kami juga mengiktiraf bantuan daripada pengurusan jabatan pengarang Utusan Malaysia dan Kosmo! dalam situasi kerja ahli kami ketika keadaan terdesak akibat kelewatan gaji dan tuntutan semula.

NUJM akan menggerakkan tindak balas sewajarnya dalam bidang kuasa kesatuan terhadap perkara-perkara yang menjejaskan ahli kami termasuk piket dalam masa terdekat bagi membantah tindakan berulang kali melanggar CA sedia ada.

Oleh itu, NUJM memohon perhatian dan tindakan segera daripada Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar dan agensi-agensi berwajib. Alasan masalah aliran tunai bukannya lesen besar untuk melanggar CA, Akta Pekerja, kontrak kerja mahupun menindas pekerja. Jika pihak pengurusan syarikat tidak perlu dipertanggungjawabkan, perkara sama dikhuatiri terus berulang kelak. NUJM merasakan tiada kesungguhan daripada pihak berwajib dalam menyelesaikan kemelut berulang kali ini sehinggakan kakitangan Utusan khususnya ahli kami tersepit di tengah-tengah.

NUJM adalah sebuah kesatuan sekerja yang mengambil berat kebajikan dan hak ahli kami tanpa sebarang agenda peribadi atau politik mahupun sebarang niat jahat terhadap mana-mana individu atau kumpulan tertentu. Apa yang NUJM suarakan adalah demi kepentingan dan kelangsungan punca rezeki ahli-ahli kami yang menjalankan tanggungjawab dalam dunia media massa serba mencabar.



**CHIN SUNG CHEW**

Setiusaha Agung NUJM